

## Bab 2

### TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

#### 2.1 Pendahuluan

Bab ini memberi tumpuan kepada kajian lampau yang berkaitan dengan ayat majmuk bahasa Cina. Banyak kajian terhadap ayat majmuk bahasa Cina telah dijalankan oleh sarjana-sarjana linguistik luar negara, terutamanya dari negara China. Kajian terhadap ayat majmuk bahasa Cina yang melibatkan sarjana-sarjana linguistik tempatan pula adalah jarang sekali. Keadaan yang serupa juga terhadap kajian dalam akhbar Cina tempatan khususnya editorial.

Setakat ini kajian ke atas akhbar tempatan lebih tertumpu kepada penggunaan bahasa iklan-iklan dalam akhbar bahasa Melayu, seperti *Kesalahan Bahasa dalam Iklan Media Cetak* yang dikaji oleh Rahman Ismail (1996) merupakan satu tinjauan terhadap kesalahan bahasa iklan dalam akhbar Melayu tempatan (*Berita Harian dan Utusan Malaysia*) serta majalah (*Keluarga, Wanita dan Perempuan*).

Namun, Ismail Bin Abdul Rajab (1990) telah menghasilkan sebuah tesis yang bertajuk *Satu Analisis Kesilapan Tatabahasa dalam Penulisan Akhbar dan Majalah Bahasa Malaysia*. Beliau telah mengkategorikan sepuluh jenis kesilapan yang dianalisis iaitu kesilapan struktur ayat, pembentukan frasa, pemilihan kosa kata, penggunaan sendi, gandaan, imbuhan, ganti nama, penjodoh bilangan dan partikel serta kesalahan ejaan. Selepas kajian, beliau telah membuat kesimpulan bahawa pihak yang terlibat dalam aspek struktur ayat ternyata lemah dalam penguasaan pembinaan ayat (Ismail Bin Abdul Rajab ,1990:261).

Selain itu, Savarimuthu Arockiamary (1987) telah menghasilkan sebuah karya yang membincangkan penggunaan ayat majmuk bahasa Melayu dalam sejarah Melayu yang bertajuk *Ayat Majmuk dalam Sejarah Melayu*. Kajian ini telah menelitian penggunaan ayat majmuk bahasa Melayu dalam *Sejarah Melayu*.

Yeoh Lin Lin (1989) pula telah menghasilkan tesis bertajuk *Ayat Majmuk Berketerangan Bahasa Melayu : Satu Huraian Tatabahasa Transformasi-generatif*. Kajian ini merupakan analisis ke atas ayat majmuk keterangan Bahasa Melayu iaitu salah satu daripada tiga subjenis ayat majmuk pancangan dalam keluarga ayat majmuk bahasa Melayu.

Pada tahun 2000, Chin Yook Moi telah menjalankan satu kajian tatabahasa yang menekankan penggunaan ayat bahasa Cina di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Tajuk kajiannya ialah *Pencapaian Pelajar Tingkatan Empat dalam penggunaan tatabahasa (jenis ayat) bahasa Cina di Sekolah Menengah Jenis kebangsaan*.

Kajian tempatan mengenai ayat majmuk Cina yang dihasilkan oleh Luo Hua Yan 罗华炎 (1998), Huang Xueming 黄学明 (1991) dan lain-lain pula lebih menjurus kepada konsep penghasilan buku rujukan. Persatuan Lembaga Sekolah Cina Malaysia yang lebih dikenali sebagai Dongzong 董总 juga pernah menerbitkan sebuah buku tatabahasa pada tahun 1989. Kebanyakan daripada buku-buku tatabahasa ini memperkatakan ayat majmuk dari segi definisi ayat majmuk, jenis-jenis ayat majmuk, hubungan antara ayat majmuk dengan kata hubung dan kesalahan bahasa ayat majmuk.

Antara sarjana-sarjana dari luar negara yang pernah membincangkan ayat majmuk bahasa Cina seperti Wang Xiang 王湘 (1985), Zhang Jing 张静 (1987), Wu

Jincun 吴竟存 dan Hou Xuechao 侯学超 (1988), Chen Xinchun 陈信春 (1990), Chen Zhonggan 陈中干 (1995), Huang Borong 黄伯荣 dan Liao Xudong 廖序东 (1997), Fan Xiao 范晓 (1998), Xing Fuyi 刑福义 (1998), Zeng Fusheng 曾福生 (1998), Lu Yiping 吕翼平 (2000), Chen Yachuan 陈亚川 bersama Zheng Yide 郑懿德 (2000) dan banyak lagi.

Wang Xiang (1985) dalam bukunya yang bertajuk *Fuju Jugun Pianzhang* 复句句群篇章 telah menerangkan pembentukan dan kegunaan serta jenis-jenis ayat majmuk bahasa Cina. Hampir 50% daripada buku tersebut digunakan untuk penerangan ayat majmuk bahasa Cina. Zhang Jing (1987) telah mengumpulkan pandangan ahli-ahli bahasa terpilih mengenai ayat majmuk dari segi definisi dan cara pengkategorian jenis ayat majmuk di bawah tajuk “*Fuju he Fuju Leixing* 复句和复句类型” dalam bab ke-21, dalam bukunya *Hanyu Yufa Wenti* 汉语语法问题. Beliau telah menunjukkan pelbagai masalah mengenai ayat majmuk bahasa Cina yang timbul akibat pegangan berlainan antara ahli-ahli bahasa.

Chen Xinchun (1990) telah berusaha menganalisis pembezaan ayat majmuk dengan ayat tunggal dalam bukunya *Danju Fuju Huajie Yanjiu* 单句复句划界研究. Buku ini telah memberikan garis panduan mengenai pembezaan ayat majmuk dengan ayat tunggal secara jelas berpandukan contoh-contoh ayat berkaitan. *Xiandai Hanyu Fuju Yanjiu* 现代汉语复句研究 merupakan sebuah buku yang menyenaraikan sejarah ayat majmuk bahasa Cina yang dihasilkan oleh Chen Zhonggan (1995). Beliau juga memberi pendapat mengenai ayat majmuk dalam bukunya.

Huang Borong dan Liao Xudong (1997) yang menghasilkan buku rujukan yang bertajuk *Xiandai Hanyu (jilid 2)* 现代汉语 (下册) telah membincangkan ayat

majmuk bahasa Cina dalam salah satu bab. Mereka telah memberikan kesalahan bahasa dalam ayat majmuk bahasa Cina dengan sistematik. Demikian juga bagi sarjana Zeng Fusheng (1998) juga memberi kesalahan bahasa yang sering wujud dalam ayat majmuk bahasa Cina dalam karyanya, iaitu *Yuju Zhengwu Bian* 语句正误辨.

Ahli tatabahasa bahasa Cina, iaitu Xing Fuyi (1998) telah menghasilkan banyak buku tatabahasa. Antaranya ialah *Hanyu Yufaxue* 汉语语法学 dan *Yufa Wenti Tantaoji* 语法问题探讨集. Beliau dalam kedua-dua buku tersebut pernah membincangkan mengenai ayat majmuk dan juga telah mengemukakan masalah yang masih wujud dalam ayat majmuk bahasa Cina sehingga hari ini.

Lü Yiping (2000) memperkenalkan ayat majmuk bahasa Cina dalam salah satu bab di dalam bukunya yang bertajuk *Hanyu Yufa Jichu* 汉语语法基础. Buku ini merupakan asas tatabahasa. Chen Yachuan bersama Zheng Yide (2000) telah menghasilkan *Lü Shuxiang zhu "Hanyu Yufa Fenxi Wenti" Zhudu* 吕叔湘著“汉语语法分析问题”助读. Buku ini merupakan buku panduan membaca hasil karya Lü Shuxiang 吕叔湘 yang bertajuk *Hanyu Yufa Fenxi Wenti* 汉语语法分析问题. Antaranya juga menyentuh mengenai masalah ayat majmuk.

Wu Jincun dan Hou Xuechao (1988) telah bekerjasama menghasilkan sebuah buku, iaitu *Xiandai Hanyu Yufa Fenxi* 现代汉语语法分析 yang telah mengemukakan pendekatan kajian yang sesuai bagi ayat bahasa Cina. Beliau dalam bukunya juga menekankan pendekatan konstituen terdekat yang diperkenalkan oleh Leonard Bloomfield sesuai untuk menganalisis ayat bahasa Cina termasuk ayat majmuk. Mengikut beliau analisis ayat majmuk hanya setakat klausa sahaja berdasarkan tiga prinsip, iaitu fungsi, struktur dan makna. Fan Xiao (1998) meringkaskan

kepentingan dan cara analisis ayat dalam bukunya *Hanyu de Ju Zi Leixing* 汉语的句子类型.

## 2.2 Perbezaan antara Ayat Majmuk dengan Ayat Tunggal

Perbezaan antara ayat majmuk dengan ayat tunggal merupakan satu masalah yang sering dipertikaikan oleh para sarjana linguistik. Mengikut catatan Fan Xiao (1998:326), pada tahun 50an satu perbincangan mengenai tajuk ini pernah diadakan, namun tidak melahirkan satu persetujuan.

Chen Zhonggan, seorang sarjana yang pernah membuat kajian lepas mengenai ayat majmuk telah menghasilkan sebuah buku bertajuk *Xiandai Hanyu Fuju Yanjiu* 现代汉语复句研究. Dalam buku itu, beliau telah memperkenalkan pandangan sarjana-sarjana mengenai masalah ayat majmuk sejak karya tatabahasa Cina yang terawal yang dihasilkan oleh Ma Jianzhong 马建忠 yang bertajuk *Mashi Wentong* 马氏文通 pada tahun 1978. *Mashi Wentong* merupakan buku tatabahasa Cina yang paling awal membincangkan pengkategorian ayat dan masalah ayat majmuk. Walaupun kerja pengkategorian ayat adalah tidak lengkap dan perbezaan antara ayat majmuk dengan ayat tunggal juga tidak jelas, tetapi usaha beliau merupakan pembukaan jalan terhadap kajian tatabahasa untuk yang seterusnya (Chen Zhonggan, 1995 :1-3 ).

Chen Zhonggan juga memberikan pandangan beliau mengenai pertikaian antara ayat majmuk dengan ayat tunggal. Beliau bersetuju bahawa masalah utama ayat majmuk ialah masalah bagaimana menggariskan sempadan antara ayat majmuk dengan ayat tunggal (Chen Zhonggan, 1995:92). Menurut Chen Zhonggan (1995:92), masalah ini wujud kerana pada awal teori tatabahasa, bahasa Cina terpengaruh oleh teori tatabahasa Eropah yang berpendapat bahawa sesebuah ayat mesti mengandungi dua

bahagian iaitu subjek dan predikat. Oleh sebab itu, syarat pengkategorian ayat tunggal dan ayat majmuk bahasa Cina bergantung kepada beberapa subjek dan prediket dalam pembentukan ayat. Tetapi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, ahli-ahli tatabahasa Cina terjebak dalam persoalan ini.

### Contoh 2.1:

- (a) 我并没有说什么，不过说了几句玩语。(Chen Zhonggan,1995:53)  
*Wǒ bìng méi•yǒu shuō shén•me, bùguò shuō le jǐ jù wányǔ.*  
 /Saya/ [serentak] /tidak ada/ [cakap] /apa/, /hanya/ [cakap] /partikel/ /beberapa/ [ayat] /bergurau].  
 (Saya tidak bercakap apa-apa, saya bergurau sahaja.)
- (b) 他们爱祖国，爱人民，爱正义，爱和平。(Chen Zhonggan,1995:53)  
*Tā•men ài zúguó, ài rénmín, ài zhèngyi, ài hépíng.*  
 /Mereka/ [cinta] /tanah air], [cinta] [rakyat], [cinta] [keadilan], [cinta] [kedamaian].  
 (Mereka cinta akan tanah air, cinta akan rakyat, cinta akan keadilan, cinta akan kedamaian.)

**Jadual 2.1 Pendapat Beberapa Orang Ahli Bahasa Mengenai Ayat Contoh 2.1**

	黎锦熙 Li Jinxi	王力 Wang Li	吕叔湘 Lü Shuxiang	张志公 Zhang Zhigong	语法小组 Kumpulan Ahli Tatabahasa
Ayat (a)	AT	AM	AM	AM	AM
Ayat (b)	AT	AM	AM / AT	AM	AT

(\*Sila rujuk Chen Zhonggan ,1995:53-54 untuk contoh-contoh lain)

Petunjuk:

AT : Ayat Tunggal

AM: Ayat Majmuk

/ : atau

Jadual 2.1 menunjukkan pendapat empat orang sarjana dan sekumpulan ahli tatabahasa dari Pusat Penyelidikan Bahasa iaitu *Zhongguo Kexueyuan Yuyan Yanjiusuo Yufa Xiaozu* (中国科学院语言研究所语法小组), mengenai dua deret ayat dalam contoh 2.1. Lü Shuxiang berpendapat bahawa ayat (b) boleh dikategorikan sebagai ayat tunggal atau ayat majmuk, penentuan jenis ayat tersebut berdasarkan

“percakapan” (口语 *kǒuyǔ*) (Chen Zhonggan, 1995:55). Jadual 2.1 (halaman 19) telah menunjukkan ada sarjana berpendapat bahawa ayat yang mengalami proses pengguguran subjek adalah ayat majmuk, tetapi ada sarjana berpendapat bahawa proses tersebut merujuk kepada ayat tunggal. Walau bagaimanapun, Chen Zhonggan sendiri berpendapat bahawa struktur pembentukan ayat bahasa Cina tidak semestinya dibentuk daripada subjek dan prediket, maka beliau berkata bahawa pembezaan ayat tunggal dan ayat majmuk tidak patut hanya bergantung kepada kewujudan bilangan subjek dan prediket dalam sesebuah ayat.

Pada tahun 1987, sekumpulan sarjana tatabahasa China iaitu, Quanguo Waiyuyuanxi “Yufa yu Xiuci” Bianxiezu 全国外语院系《语法与修辞》编写组 telah mengumpul data dan menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Yufa yu Xiuci* 语法与修辞. Buku ini telah menghuraikan pandangan mereka tentang sifat ayat majmuk. Mengikut mereka, ayat majmuk perlu mempunyai dua atau lebih daripada dua ayat tunggal (dikenali ayat kecil atau klausa). Antara klausa-klausa pula perlu mengandungi hubungan makna untuk menghubungkannya. Dari segi struktur ayat, klausa tidak menjadi komponen ayat bagi klausa yang lain. Dalam corak bertulis, tanda baca koma biasanya digunakan sebagai tanda sebutan berjeda dalam ayat (Quanguo Waiyuyuanxi “Yufa yu Xiuci” Bianxiezu, 1987:165). Chen Zhonggan bersetuju dengan pernyataan ini. Namun Chen menegaskan bahawa unsur berjeda di pertengahan ayat merupakan ukuran yang penting dalam membezakan ayat itu sama ada ayat itu merupakan ayat tunggal ataupun ayat majmuk (Chen Zhonggan, 1995: 82).

Zhang Jing dalam bukunya *Hanyu Yufa Wenti* 汉语语法问题 (1987) telah mengemukakan pandangan yang berbeza dengan Quanguo Waiyuyuanxi “Yufa yu Xiuci” Bianxiezu dan Chen Zhonggan. Zhang Jing berpendapat bahawa ayat majmuk

yang mengandungi dua set ayat atau lebih daripada dua set ayat yang masing-masing bukan merupakan komponen ayat bagi set ayat yang lain akan melahirkan makna yang rumit. Beliau menerima ayat majmuk dalam corak ayat tunggal. Ini bermakna ayat majmuk tidak semestinya perlu berjeda di tengah sesebuah ayat (Zhang Jing, 1987:560).

Wang Weixian (1997) berpendapat bahawa ayat tunggal dan ayat majmuk terdiri daripada kategori linguistik. Tanda utama perbezaan ayat tunggal dan ayat majmuk adalah bergantung kepada simbol linguistik, iaitu berjeda dan intonasi ayat. (Wang Weixian ,1997:105).

Fan Xiao (1998) berpendapat bahawa jika ditinjau dari segi teori, ayat tunggal dan ayat majmuk merupakan dua corak ayat yang berbeza. Jadi, sempadan yang jelas perlu ada untuk membezakan kedua-dua jenis ayat tersebut. Tetapi, dari segi praktik pula, wujud masalah untuk membezakan kedua-dua corak ayat. Sebuah buku panduan yang bertajuk *Lü Shuxiang Zhu “Hanyu Yufa Fenxi Wenti” zhu du* 吕叔湘著“汉语语法分析问题”助读 (2000) juga mengaku bahawa pembezaan antara ayat tunggal dengan ayat majmuk adalah masalah yang rumit (Chen Yachuan dan Zheng Yide,2000:421). Mengikut buku tersebut, Chen Yachuan dan Zheng Yide telah memberikan pandangan tentang tiga faktor yang menyebabkan kerumitan tersebut wujud. Antaranya termasuklah pembentukan ayat yang terdiri daripada beberapa subjek dan predikat, kewujudan kata hubung atau sebaliknya dan unsur jeda dalam sesebuah ayat. Mereka juga mengatakan sebab mewujud pandangan yang tidak sama antara semua sarjana. Sehingga kini, masih tidak terdapat satu ukuran perbezaan ayat majmuk dengan ayat tunggal yang unggul (Chen Yachuan dan Zheng Yide,2000:422).

Tegasnya, terdapat tiga penentu dalam mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk iaitu struktur pembentukan ayat, unsur jeda di tengah ayat dan penggunaan kata hubung. Pengkaji berpendapat bahawa antara ketiga-tiga unsur ini, unsur yang paling utama ialah struktur pembentukan ayat. Ayat majmuk perlu mempunyai dua atau lebih daripada dua klausa. Klausa tidak menjadi komponen ayat bagi klausa yang lain dan antara klausa-klausa perlu mengandungi hubungan makna untuk menghubungkan mereka. Tanda bacaan koma perlu terdapat di antara klausa-klausa sebagai tanda berjeda. Penggunaan kata hubung pula sesuai untuk menentukan ayat majmuk yang jelas.

#### Contoh 2.2:


陈琳辞职的事，|很快传开了。(Xing Fuyi,1998:302)

*Chén Lín cí zhí de shì, hěn kuài chuán kāi le.*

[*Chen Lin*] [*menolak*] [*jawatan*][*punya*] [*peristiwa*], [*sangat*] [*cepat*] [*heboh*] [*buka*][*partikel*].

(*Peristiwa mengenai peletakan jawatan Chen Lin, tersebar dengan sangat cepat.*)

Contoh 2.2 adalah tunggal kerana ayat ini mempunyai sifat ayat tunggal iaitu satu subjek dan satu prediket. “陈琳辞职的事” *Chén Lín cí zhí de shì* merupakan komponen ayat (subjek) dan “很快传开了” *hěn kuài chuán kāi le* merupakan prediket ayat itu.



Rajah 2.1 Pembentukan Ayat Tunggal

Contoh 2.3 :

陈琳辞职, 工作进度会受影响吧? (Xing Fuyi, 1998:302)


*Chén Lín cí zhí, gōngzuò jǐndù huì yǐngxǐng ba?*

[*Chen Lin*] [*menolak*] [*jawatan*], [*kerja*] [*tahap pergerakan*] [*boleh pengaruh*] [*partikel*]?

(*Chen Lin meletak jawatan, kejadian ini boleh mempengaruhi tahap pergerakan kerja ?*)

Contoh 2.3 ialah ayat majmuk kerana ayat ini memenuhi syarat ayat majmuk.

“陈琳辞职” *Chén Lín cí zhí* merupakan satu klausa bagi ayat majmuk ini. “工作进度会受影响吧” *gōngzuò jǐndù huì yǐngxǐng ba* merupakan klausa kedua bagi ayat majmuk ini. Antara klausa-klausa ini mengandungi hubungan makna sebab akibat untuk menghubungkannya.



Rajah 2.2 Pembentukan Ayat Majmuk Ringkas

### 2.3 Jenis Ayat Majmuk

Mengikut Chen Zhonggan (1995:86), penjenisan ayat adalah bergantung kepada hubungan makna antara kluasa-klausa bagi sesebuah ayat majmuk yang dikenali sebagai hubungan logik. Zhang Jing juga berpendapat bahawa ayat majmuk boleh dibahagikan kepada beberapa jenis dengan berpandu kepada hubungan makna antara klausa-klausa dalam ayat majmuk. Namun beliau juga mempersoalkan kewujudan beberapa jenis hubungan makna antara klausa-klausa dan cara-cara pengkategorianya (Zhang Jing, 1987:600).

Terdapat juga pelbagai pandangan mengenai penjenisan ayat majmuk. Jadi, bilangan sebenar jenis ayat majmuk yang ada juga tidak terbatas. Berikut merupakan beberapa contoh penjenisan ayat majmuk berdasarkan pandangan sarjana-sarjana tatabahasa luar negara dan tempatan.

Zhang Jing dalam bukunya *Hanyu Yufa Wenti* 汉语语法问题 (1987) telah mengkategorikan ayat majmuk kepada lapan jenis :

1. ayat majmuk jenis setara (并列复句 *bìngliè fùjù*)
2. ayat majmuk jenis menaik (递进复句 *dìjìn fùjù*)
3. ayat majmuk jenis pilihan (选择复句 *xuǎnzé fùjù*)
4. ayat majmuk jenis berterusan (承接复句 *chéngjiē fùjù*)
5. ayat majmuk jenis keterangan (解说复句 *jiěshuō fùjù*)
6. ayat majmuk jenis peralihan (让转复句 *ràngzhuǎn fùjù*)
7. ayat majmuk jenis sebab akibat (因果复句 *yīngguǒ fùjù*)
8. ayat majmuk jenis syarat (条件复句 *tiáojiàn fùjù*)

*Yufa yu Xiuci* 语法与修辞 (1987) yang diterbit oleh Quanguo Waiyuyuanxi “Yufa yu Xiuci” Bianxiezu telah mengkategorikan ayat majmuk kepada sepuluh jenis:

1. ayat majmuk jenis setara (并列复句 *bìngliè fùjù*)
2. ayat majmuk jenis berterusan (连贯复句 *liángruàn fùjù*)
3. ayat majmuk jenis pilihan (选择复句 *xuǎnzé fùjù*)
4. ayat majmuk jenis menaik (递进复句 *dìjìn fùjù*)
5. ayat majmuk jenis keterangan (总分复句 *zǒngfēn fùjù*)
6. ayat majmuk jenis peralihan (转折复句 *zhuàanzhé fùjù*)
7. ayat majmuk jenis anggapan (假设复句 *jiǎshè fùjù*)

9. ayat majmuk jenis sebab akibat (因果复句 *yīngguǒ fùjù*)
8. ayat majmuk jenis syarat (条件复句 *tiáojiàn fùjù*)
9. ayat majmuk jenis bertujuan (目的复句 *mùdì fùjù*)

Sarjana tempatan bernama Luo Huayan pula telah mengkategorikan ayat majmuk kepada sepuluh jenis. Mengikut catatan dalam bukunya yang bertajuk

*Xiandai Hanyu Yufa* 现代汉语语法 (1998), jenis-jenis ayat majmuk adalah seperti berikut:

1. ayat majmuk jenis setara (并列复句 *bìngliè fùjù*)
2. ayat majmuk jenis berterusan (承接复句 *chéngjiē fùjù*)
3. ayat majmuk jenis menaik (递进复句 *dìjìn fùjù*)
4. ayat majmuk jenis pilihan (选择复句 *xuǎnzé fùjù*)
5. ayat majmuk jenis peralihan (转折复句 *zhuǎnzhé fùjù*)
6. ayat majmuk jenis syarat (条件复句 *tiáojiàn fùjù*)
7. ayat majmuk jenis anggapan (假设复句 *jiǎshè fùjù*)
8. ayat majmuk jenis sebab akibat (因果复句 *yīngguǒ fùjù*)
9. ayat majmuk jenis bertujuan (目的复句 *mùdì fùjù*)
10. ayat majmuk jenis keterangan (解说复句 *jiěshuō fùjù*)

*Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa dan Retorik Bahasa Cina KBSM* yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (1999) pula mencatatkan lapan jenis ayat majmuk seperti berikut:

1. ayat majmuk jenis setara (并列复句 *bìngliè fùjù*)
2. ayat majmuk jenis berterusan (承接复句 *chéngjiē fùjù*)
3. ayat majmuk jenis pilihan (选择复句 *xuǎnzé fùjù*)
4. ayat majmuk jenis menaik (递进复句 *dìjìn fùjù*)

5. ayat majmuk jenis peralihan (转折复句 *zhuànzhé fùjù*)
6. ayat majmuk jenis sebab akibat (因果复句 *yīngguǒ fùjù*)
7. ayat majmuk jenis anggapan (假设复句 *jiǎshè fùjù*)
8. ayat majmuk jenis syarat (条件复句 *tiáojiàn fùjù*)

Lü Yiping pula telah mengkategorikan ayat majmuk kepada sebelas jenis dalam bukunya yang bertajuk *Hanyu Yufa Jichu* 汉语语法基础 (2000):

1. ayat majmuk jenis setara (并列复句 *bìngliè fùjù*)
2. ayat majmuk jenis pilihan (选择复句 *xuǎnzé fùjù*)
3. ayat majmuk jenis menaik (递进复句 *dìjìn fùjù*)
4. ayat majmuk jenis peralihan (转折复句 *zhuànzhé fùjù*)
5. ayat majmuk jenis konsesi (让步复句 *ràngbù fùjù*)
6. ayat majmuk jenis anggapan (假设复句 *jiǎshè fùjù*)
7. ayat majmuk jenis syarat (条件复句 *tiáojiàn fùjù*)
8. ayat majmuk jenis “zong yu” (纵予复句 *zòngyǔ fùjù*)
9. ayat majmuk jenis sebab akibat (因果复句 *yīngguǒ fùjù*)
10. ayat majmuk jenis inferens (推论复句 *tuīlùn fùjù*)
11. ayat majmuk jenis terima atau tolak (取舍复句 *qǔshě fùjù*)

**Jadual 2.2 Penjenisan Ayat Majmuk Mengikut Pendapat Beberapa Pengarang**

Jenis Ayat Majmuk	Pengarang				
	Zhang Jing	“Yufa yu Xiuci”	Luo Huayan	Kementerian Pendidikan	Lü Yiping
setara	+	+	+	+	+
menaik	+	+	+	+	+
pilihan	+	+	+	+	+
berterusan	+	+	+	+	-
keterangan	+	+	+	-	-
peralihan	+	+	+	+	+
sebab akibat	+	+	+	+	+
syarat	+	+	+	+	+
anggapan	-	+	+	+	+
bertujuan	-	+	+	-	-
konsesi	-	-	-	-	+
“zong yu”	-	-	-	-	+
inferens	-	-	-	-	+
terima / tolak	-	-	-	-	+

Petunjuk: “+” ialah jenis ayat majmuk yang dikategorikan oleh pengarang berkenaan.

“ - ” ialah jenis ayat majmuk yang tidak dikategorikan oleh pengarang berkenaan.

Secara ringkasnya, jika meninjau sejarah tatabahasa ayat majmuk dari segi penjenisan ayat majmuk sehingga hari ini, didapati terdapat berbagai-bagai pandangan mengenai penjenisan ayat majmuk. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan jenis ayat majmuk yang telah dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kerana ingin menyelaraskannya dengan pihak pendidik tempatan. Namun pengkaji bercadang

menambahkan dua jenis ayat majmuk demi keperluan dan kesempurnaan kajian ini. Jadi, jenis-jenis ayat majmuk dalam kajian ini terbahagi kepada sepuluh jenis seperti dibawah:

1. ayat majmuk jenis setara (并列复句 *bìngliè fùjù*)
2. ayat majmuk jenis pilihan (选择复句 *xuǎnzé fùjù*)
3. ayat majmuk jenis menaik (递进复句 *dìjìn fùjù*)
4. ayat majmuk jenis berterusan (承接复句 *chéngjiē fùjù*)
5. ayat majmuk jenis peralihan (转折复句 *zhuàanzhé fùjù*)
6. ayat majmuk jenis anggapan (假设复句 *jiǎshè fùjù*)
7. ayat majmuk jenis syarat (条件复句 *tiáojiàn fùjù*)
8. ayat majmuk jenis sebab akibat (因果复句 *yīngguǒ fùjù*)
9. ayat majmuk jenis bertujuan (目的复句 *mùdì fùjù*)
10. ayat majmuk jenis keterangan (解说复句 *jiěshuō fùjù*)

### 2.3.1 Jenis Ayat Majmuk Ringkas

Berikut adalah contoh jenis-jenis ayat majmuk ringkas:

#### (a) Ayat Majmuk Jenis Setara (并列复句 *bìngliè fùjù*)

Ayat majmuk jenis setara dibentukkan oleh dua ayat kecil yang mempunyai hubungan dan sifat yang sama taraf .

Contoh 2.4 :

她既会作诗，又会写小说。(Luo Huayan, 1998:291)

*Tā jí huì zuò shī, yòu huì xiě xiǎo shuō.*

*[Dia] [bukan sahaja] [tahu] [menulis] [sajak]. [juga] [tahu] [menulis] [novel].*

*(Dia bukan sahaja tahu menulist sajak, malah juga tahu menulis novel.)*

**(b) Ayat Majmuk Jenis Pilihan** (选择复句 *xuǎnzé fùjù*)

Beberapa klausa masing-masing menyatakan beberapa perkara atau keadaan.

Contoh 2.5 :

你喝茶，还是喝咖啡？(Ling Xiangmei, 1992:303)  
*Nǐ hē chá, háishi hē kāfēi?*  
[Kamu] [minum] [teh], [atau] [minum] [kopi]?  
(Kamu minum teh atau kopi?)

**(c) Ayat Majmuk Jenis Menaik** (递进复句 *dìjìn fùjù*)

Makna klausa kedua merupakan lanjutan daripada klausa pertama.

Contoh 2.6 :

他不仅会唱歌，还会跳舞呢！(Luo Huayan, 1998:293)  
*Tā bùjǐn huì chàng gē, hái huì tiào wǔ ne!*  
[Dia] [bukan sahaja] [tahu] [menyanyi], [malah] [tahu]  
[menari]/[kata kerja bantu]!  
(Dia bukan sahaja tahu menyanyi malah tahu menari!)

**(d) Ayat Majmuk Jenis Berterusan** (承接复句 *chéngjiē fùjù*)

Beberapa klausa disusun berterusan mengikut peraturan dikenali ayat majmuk berterusan. Susunan klausa ayat majmuk berterusan tidak boleh disongsangkan.

Contoh 2.7:

首先听他解释，然后你再说。(Luo Huayan, 1998:292)  
*Shǒuxiān tīng tā jiěshì, ránhòu nǐ zài shuō.*  
[Yang pertama][dengar][dia][jelas], [kemudian][kamu][baru]  
[bercakap].  
(Dengar penjelasannya dahulu, kemudian kamu baru bercakap.)

**(e) Ayat Majmuk Jenis Peralihan** (转折复句 *zhuànzhé fùjù*)

Klausa kedua dalam ayat majmuk jenis peralihan bukan melanjutkan penjelasan klausa pertama. Maknanya bertentangan dengan makna klausa pertama.

Contoh 2.8 :

尽管他读了很多书，可是懂的道理很少。 (Ling Xiangmei, 1992:307)

*Jǐnguǎn tā dú le hěn duō shū, kěshì dǒng de dàoli hěn shǎo.  
[Walaupun] [dia] [baca] [pratikel][sangat] [banyak]  
[buku], tetapi [tahu] [punya] [pengetahuan] [sangat]  
[kurang].*

( Walaupun dia berpelajaran tinggi, tetapi pengetahuan yang difahaminya sangat sedikit.)

**(f) Ayat Majmuk Jenis Anggapan** (假设复句 *jiǎshè fùjù*)

Klausa pertama dalam ayat majmuk anggapan menyatakan keadaan anggapan. Kemudian klausa berikutnya akan menerangkan suatu kesan atau akibat daripada klausa pertama.

Contoh 2.9:

如果你不用功读书，你将不会考到好成绩。 (Luo Huayan, 1998:297)

*Rúguō nǐ bù yònggōng dú shū, nǐ jiāng bù huì kǎo dào hǎo chéngjì.*

[Jika][kamu][tidak] [bersungguh-sungguh] [membaca] [buku], [kamu] [akan] [tidak] [mendapat] [sampai] [baik] [keputusan].

(Jika kamu tidak belajar dengan bersungguh-sungguh, kamu tidak akan mendapat keputusan yang baik.)

**(g) Ayat Majmuk Jenis Syarat** (条件复句 *tiáojiàn fùjù*)

Salah satu klausa menerangkan tuntutan yang mesti dipenuhi.

Contoh 2.10:

只要你有恒心，你一定能把事情做好的。 (Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999 :30 )

*Zhǐyào nǐ yǒu héngxīn, nǐ yídìng néng bǎ shìqing zuò hǎo de.*

(Contoh 2.10, sambungan)

*[Sekiranya] [anda][ada][azam yang kukuh], [kamu] [pasti] [boleh]  
[ partikel] [kerja] [buat] [baik] [punya].  
(Sekiranya berazam kukuh, kamu pasti boleh menyiapkan kerja dengan baik.)*

**(h) Ayat Majmuk Jenis Sebab Akibat** (因果复句 *yīngguō fùjù*)

Klausa-klausa yang menerangkan kesan atau akibat sesuatu perbuatan atau kejadian.

Contoh 2.11:

因为 你去，所以 我也去。 (Ge Rucheng, 1991:68 )

*Yīnwèi nǐ qù, suǒyǐ wǒ yě qù.*

*[Oleh sebab][ kamu] [pergi] . [maka] [saya][ juga] [pergi].*

*(Oleh sebab kamu pergi, maka saya juga pergi.)*

**(i) Ayat Majmuk Jenis Bertujuan** (目的复句 *mùdì fùjù*)

Satu klausa ayat majmuk bertujuan untuk menunjukkan matlamat dan yang lain menunjukkan tindakan yang perlu diambil untuk mencapai matlamat tersebut .

Contoh 2.12:

为了 应付 这次 考试，他 埋 头 苦 读。 (Luo Huayan, 1998:299)

*Wèile yìngfù zhècì kǎoshì, tā mái tóu kǔ dú.*

*[ Untuk ] [menghadapi] [kali ini] [peperiksaan], [dia]  
[menyembunyikan] [kepala][susah payah] [membaca].*

*( Untuk menghadapi perperiksaan kali ini, dia belajar dengan bersungguh-sungguh.)*

**(j) Ayat Majmuk Jenis Keterangan** (解说复句 *jiěshuō fùjù*)

Salah satu klausa ialah keterangan keseluruhan, manakala klausa yang lain ialah pecahan keterangan. Biasanya ayat majmuk ini tidak memerlukan kata hubung.

### Contoh 2.13:


母亲性格和蔼，没有打骂过我们，也没有同人吵过架。(Luo Huayan, 1998:300)

*Mǔqin xìngge hé' āi, méiyōu dǎ mà guò wǒmen, yě méiyōu tóng rén chǎo guò jià.*

[Ibu] [sifat] [peramah], [tidak] [memukul] [memarahi] [pernah] / [kami], [juga][ tidak] [dengan] [orang][bising] [pernah] [gaduh].  
(Ibu bersifat peramah, tidak pernah memarahi kami, dan tidak pernah berkelahi dengan orang lain juga.)

### 2.3.2 Jenis Ayat Majmuk Kompleks

Ayat majmuk kompleks boleh dikategorikan kepada ayat majmuk dua lapis (*shuāngcéng fùjù 双层复句*), ayat majmuk tiga lapis (*sāncéng fùjù 三层数复句*), ayat majmuk empat lapis (*sìcéng fùjù 四层数复句*) dan seterusnya mengikut bilangan lapisan yang terkandung dalam struktur ayat tersebut (Xu Qing, 1997:342).



**Rajah 2.3 Pembentukan Ayat Majmuk Kompleks**

### Contoh 2.14 : (ayat majmuk kompleks jenis dua lapis )


(1) 人不犯我, ||(2) 我不犯人; |(3) 人若犯我, ||(4) 我必犯人。 (Zhang Jing, 1987:637)

(1) *Rén bù fàn wǒ*, ||(2) *wǒ bù fàn rén*; |(3) *rén ruò fàn wǒ*, ||(4) *wǒ bì fàn rén*.

(1) [Orang] [tidak] [gertak][saya], ||(2) [saya] [tidak] [gertak] [orang] ; | (3) [orang] [jika] [gertak] [saya], || (4) [saya] [pasti] [gertak] [orang].

((1) Orang tidak menggertak saya, ||(2) saya tidak akan menggertak orang; | (3) jika orang menggertak saya, || (4) saya pasti akan menggertak orang itu.)

(Contoh 2.14, sambungan)




Contoh 2.15 : (ayat majmuk kompleks jenis tiga lapis )

(1)如果因为我们胜利了, ||(2)便骄傲起来, |||(3)便脱离群众, |(4)那么, 总有一天会失败。(Luo Huayan, 1998:308)

(1)*Rúguō yīn.wèi wǒmen shènglì le, || (2) biàn jiāo' ào qǐ lái, |||(3) biàn tuōlí qúnzhòng , | nàmen, zǒng yǒu yì tiān huì shibài.*  
(1) [Jika] [kerana] [kita][berjaya][partikel], || (2) [jadi] [sombong]  
[naik] [datang], |||(3) [jadi] [memutus] [orang ramai] . |(4) [maka] , [pasti] [ada] [satu] [hari] [boleh] [gagal].

((1) Jika disebabkan kita telah berjaya, || (2) jadi kita menjadi sompong , |||(3) jadi memutus hubungan dengan orang ramai , |(4) maka, pasti ada satu hari kita akan gagal.)




Contoh 2.16 : (ayat majmuk kompleks jenis empat lapis )

(1) 大作家不论写大文章还是写小文章，|(2) 他都认真去写，||(3) 他不但认真思考内容，|||(4) 巧妙构思，|||(5) 而且细细推敲文字。（Luo Huayan, 1998:309）

(1) *Dàzuòjiā bùlùn xiě dà wénhāng háishi xiǎo wénhāng , |(2) tā dōu rènzhēng qù xiě, ||(3) tā bùdàn rènzhēng sīkǎo nēiróng, |||(4) qiǎomiào gòusī , |||(5) érqiè xìxi tuīqiāo wénzì .*

(1) [Penulis yang baik] [tidak kira] [menulis] [besar] [penulisan] [atau] [menulis] [kecil] [penulisan], | (2) [dia] [semua] [serius] [pergi] [tulis], ||(3) [ dia] [ bukan sahaja] [serius] [memikir] [isi kandungan] , |||(4) [ bijak ] [jalan cerita] , |||(5) [malah] [teliti] [menyusun] [ perkataan].

((1) Penulis yang baik tidak kira menulis penulisan yang panjang atau pendek, |(2) dia pasti akan menulis dengan serius, ||(3) dia bukan sahaja memikir isi kandungan penulisan itu, |||(4) mengatur jalan cerita dengan bijak, |||(5) malah mempertimbangkan penggunaan setiap perkataan dengan teliti.)



Contoh 2.17 : (ayat majmuk kompleks jenis lima lapis )


(1) 由于片面追求升学率, |(2)一部分学生一心只想上大学, ||(3)便死啃书, |||(4)押题, |||(5)猜题; ||(6)一部分学生感到上大学无望, |||(7)便不努力学, |||(8)甚至不学, |||(9)只等一张文凭。( Zhang Lianqiang 张炼强, 1984:144)


(1) *Yóuyú piànmìan zhuīqiú shēng xué lǜ, |(2) yí bùshèng xuésheng yǐ xīn zhī xiǎng shàng dàxué, ||(3) biàn sī kǒu shū, |||(4) yā tí, |||(5) cāi tí ; ||(6) yí bùshèng xuésheng gǎndào shàng dàxué wúwàng , |||(7)biàn bù nǔlì xué, |||(8) shènzhì bù xué , |||(9) zhǐ dèng yì zhāng wénpíng.*

(1) [Oleh sebab] [permukaan] [mengejar] [melanjutkan pelajaran] [peratusan]. |(2) [satu] [bahagian] [pelajar] [satu] [hati] [hanya][fikir] [atas] [universiti]. |||(3) [maka] [mati] [terlampau menyelidiki] [buku] . |||(4) [ramal]/[soalan] . |||(5) [ teka] [soalan] ; |||(6) [satu] [bahagian] [pelajar] [ berasa] [atas] [universiti] [tidak ada harapan]. |||(7) [ jadi] [tidak] [bersungguh-sungguh] [belajar] , |||(8) [bahkan] [tidak] [belajar], |||(9) [hanya] [menunggu] [ satu ]/[keping][ sijil].

((1) *Oleh sebab mengejar peluang melanjutkan pelajaran ke universiti, |(2) sebahagian pelajar dengan sepenuh hatinya hanya berfikir memasuki ke universiti, |||(3) maka terlampau menyelidik buku, |||(4) meramal soalan, |||(5) meneka soalan; |(6) sebahagian pelajar pula berasa mereka tidak ada harapan melanjutkan pelajaran ke universiti, |||(7) maka tidak belajar dengan bersungguh-sungguh, |||(8) bahkan tidak belajar, |||(9) mereka hanya menunggu sekeping sijil sahaja .*)

(1) (2) (3) (4) (5) (6) (7) (8) (9)





**Rajah 2.4 Pembahagian Jenis-jenis Ayat Majmuk Bahasa Cina**

#### 2.4 Hubungan antara Ayat Majmuk dengan Kata Hubung

Xing Fuyi dalam buku yang bertajuk *Yufa Wenti Tantaoji* 语法问题探讨集 (1986) membincangkan tajuk kata hubung. Menurut beliau, kata hubung ialah kata yang menandakan hubungan ayat majmuk. Setiap jenis ayat majmuk mempunyai kata hubung yang khas untuk membentuk jenis ayat majmuk yang tertentu (Xing Fuyi, 1986:278).

Mengikut Fan Xiao (1998:328) pula kata hubung ialah simbol struktur pembentukan ayat majmuk yang menjelaskan hubungan makna antara ayat-ayat kecil, namun bukan semua ayat yang mempunyai kata hubung adalah ayat majmuk.

Zheng Fusheng (1998) menegaskan kepentingan kata hubung dalam ayat majmuk. Beliau berkata bahawa penggunaan kata hubung yang tidak tepat akan menyebabkan hubungan antara klausa-klausa dalam ayat majmuk menjadi tidak jelas. Ini kerana kata hubung merupakan penentu utama yang membantu kita memahami makna ayat majmuk (Zheng Fusheng, 1998:239). Mengikut *Xiandai Hanyu* 现代汉语 yang diedit oleh Lin Xiangmei 林祥楣 (1992) telah mencatatkan bahawa kekerapan penggunaan kata hubung di dalam bahasa bertulis terutamanya eseи yang bercorak "memberi alasan" (*argumentation*) adalah tinggi. Ini kerana jenis eseи ini mementingkan penghujahan yang tepat dan terperinci. Kata hubung dapat menonjolkan hubungan antara klausa-klausa, dan dapat menyatakan pandangan dengan jelas. (Ling Xiangmei, 1992:313)

Kata hubung merupakan salah satu unsur penentu ayat majmuk. Namun terdapat sarjana-sarjana berpendapat sesuatu ayat majmuk tidak semestinya mempunyai kata hubung atau sebaliknya, sesebuah ayat yang mempunyai kata hubung tidak semestinya merupakan ayat majmuk. Walau bagaimanapun, peranan kata hubung dalam ayat majmuk tidak dapat dinafikan. Kata hubung dapat membantu kita menentukan jenis ayat majmuk tersebut.

Selain itu, kadangkala sesebuah ayat majmuk perlu menggunakan kata hubung. Jika tidak, ayat majmuk tersebut akan dianggap mempunyai kesalahan bahasa dari segi kekurangan kata hubung dalam ayat majmuk. Tegasnya, penggunaan kata hubung

dengan betul dan bersesuaian adalah penting. Seperti yang dikatakan oleh sarjana Xing Fuyi, kewujudan kata hubung dalam ayat majmuk boleh menyebabkan ayat majmuk yang digunakan lebih menarik.

#### **2.4.1 Syarat Penggunaan Kata Hubung**

Beberapa perincian mengenai kata hubung dalam ayat majmuk bahasa Cina telah dikemukakan oleh ahli tatabahasa. Perincian ini perlu diberi perhatian dan juga boleh dijadikan syarat penggunaan kata hubung.

##### **2.4.1.1 Kolokasi Kata Hubung**

Penggunaan kolokasi kata hubung yang tidak lengkap akan menyebabkan makna ayat tersebut tidak jelas. Sepasang kolokasi kata hubung tidak boleh ditukarkan dengan sewenang-wenangnya. (Quan Guo Wai Yuyuan Xi “Yufa yu Xiuci” bianxiezu 全国外语院系《语法与修辞》编写组, 1987:197). Pandangan ini juga disokong oleh Ma Zhen 马真 (1997), Huang Borong 黄伯荣 dan Liao Xudong 廖序东 (1997). Menurut Huang Borong dan Liao Xudong (1997:169), jika berlaku penggunaan kolokasi kata hubung yang tidak lengkap, maka pasti wujud kesalahan bahasa dalam ayat majmuk tersebut.

Mengenai penggunaan kolokasi kata hubung, Quan Guo Wai Yuyuan Xi “Yufa yu Xiuci” bianxiezu (1987:188) juga mengemukakan satu pandangan bahawa kata hubung yang berkolokasi hanya boleh mengalami proses pengguguran ke atas kata hubung yang terletak di klausa pertama, manakala kata hubung yang berkaitan biasanya tidak boleh digugurkan. Pengguguran kata hubung berkaitan

tersebut hanya boleh berlaku dengan syarat menyongsangkan klausa-klausa dalam ayat majmuk.

Contoh 2.18:

(a) 今 天 天 气 不 错 , 虽 然 有 点 风。 (Quan Guo Wai Yuyuan Xi  
“Yufa yu Xiuci” bianxiezu, 1987:188)

*Jīntiān tiānqì bùcuò, suírán yǒu diǎn fēng.*

*[Hari ini] [cuaca] [baik], [walaupun] [ada] [sedikit] [angin].  
(Cuaca hari ini baik, walaupun ada tujuan angin.)*

(b) 虽 然 有 点 风 , 但 是 今 天 天 气 不 错。 (Ayat majmuk sebelum berlaku proses perguguran kata hubung)

*Suírán yǒu diǎn fēng, dànshì jīntiān tiānqì bùcuò.*

*[Walaupun][ada] [sedikit], [tetapi][angin][hari ini] [cuaca]  
[baik].*

*(Walaupun ada tujuan angin, tetapi cuaca hari ini baik.)*

Penjelasan: Kolokasi kata hubung bagi ayat ini ialah 虽然……但是

*suírán…dànshì* (walaupun…tetapi) seperti contoh ayat

2.18(b). Proses pengguguran kata hubung berkaitan, iaitu

但是 *dànshì* ( tetapi ) berlaku seperti contoh ayat 2.18(a).

Klausa-klausa dalam ayat majmuk telah disongsangkan

dalam contoh ayat 2.18(a).

Zeng Fusheng 曾福生 (1998) juga mengkategorikan keadaan sedimikian sebagai kesalahan bahasa di dalam bukunya yang bertajuk *Yuju Zhengwu Bian 语句正误辨*.

Xu Qing 徐青 (1997 :338) telah mengemukakan satu syarat yang penting mengenai penggunaan kolokasi kata hubung “jikalau” atau “jika” dan lain-lain kata hubung yang membawa makna jika, boleh digunakan secara tunggal dengan syarat perlu ada *néngyuàn dòngcí* 能

· 愿动词 (sejenis kata kerja dalam tatabahasa bahasa Cina, contoh jenis kata kerja ini ialah “boleh” atau “pasti” dan lain-lain).

Contoh 2.19:

*Jiànrú tā de huánjìng hǎo yìdiǎn, huò shòu diǎn jiào yù, tā yídìng bù huì luò zài jiāopítuán li.*  
假如他的环境好一点，或受点教育，他一定不会落在胶皮团里。  
(Quan Guo Wai Yuyuan Xi “Yufa yu Xiuci” bianxiezu, 1987:338)

*[Jika][dia][punya][keadaan][baik][sedikit],[atau][dapat][sedikit]  
[pendidikan],[dia][pasti][tidak][akan][tersekat][di][golongan yang  
menarik beca][dalam].*  
*(Jika keadaannya baik sedikit, atau mendapat sedikit pendidikan, dia  
pasti tidak akan tersekit dalam golongan yang menarik beca.)*

Penjelasan: Ayat ini menggunakan kata hubung “假如” *jiānrú* (*jika*) secara tunggal. Maka dalam ayat ini terdapat sejenis kata kerja yang digelar *néngyuàn dōngcí* 能愿动词 iaitu “一定” *yídìng* (pasti) dalam klausa berikutnya sebagai penyambung kata hubung “jika” bagi memenuhi syarat penggunaan kata hubung yang berkolokasi.

#### 2.4.1.2 Kedudukan Kata Hubung

Quan Guo Wai Yuyuan Xi “Yufa yu Xiuci” bianxiezu (1987:188), Huang Borong dan Liao Xudong (1997:171) telah mengatakan bahawa kedudukan kata hubung dalam ayat majmuk adalah tetap. Mengikut pandangan mereka, sekiranya subjek antara klausa-klausa adalah serupa, maka kata hubung diletakkan selepas subjek, dan subjek kedua akan mengalami proses pengguguran. Sebaliknya, jika subjek antara klausa-klausa adalah berlainan, maka kata hubung diletakkan di hadapan subjek dalam klausa pertama bagi ayat majmuk.

Pandangan ini juga disokong oleh Zhu Wenxian 朱文献 (1991:156), Zeng Fusheng 曾福生(1998:301).

#### 2.4.2 Kata Hubung yang Sering Disalahguna

Beberapa kata hubung yang sering disalahgunakan telah dikemukakan oleh ahli tatabahasa seperti berikut:

a. “以致” *yízhì* (*sehingga*) dan “以至” *yízhì* (*sehingga*)

Kedua-duanya mempunyai sebutan dan makna yang sama tetapi penggunaannya berbeza. Ini kerana, “以致” *yízhì* biasanya digunakan untuk menyatakan kesan yang buruk atau tidak baik, atau kesan yang tidak diinginkan olen penutur. Manakala “以至” *yízhì* boleh digunakan untuk kesan yang baik atau buruk(Ma Zhen,1997:181; Lu Shuxiang, 2001: 612 ; Zeng Fusheng , 1998: 295).

b. “与” *yǔ* (*dan*) , “以及” *yǐjí* (*dan*) dan “及” *jí* (*dan*)

Kata hubung “与” *yǔ* (*dan*) dan kata hubung “以及” *yǐjí* (*dan*) serta kata hubung “及” *jí* (*dan*) mempunyai makna yang sama tetapi kegunaannya ada sedikit berlainan.

i. Kata hubung “与” *yǔ* biasanya wujud dalam tajuk buku dan tajuk eseи serta tajuk perenggan dalam sesebuah eseи (Lu Shuxiang, 2001: 231; 637) .

ii. Kata hubung “以及” *yǐjí* boleh digunakan selepas tanda koma yang berfungsi untuk menghubungkan

klausa, manakala “及” *jí* tidak boleh digunakan selepas tanda koma (Lü Shuxiang, 2001: 615).

Contoh 2.20:

他问了我许多问题：那里的气候怎样，生活过得惯不惯，以及当地的风俗习惯怎样，等等。(Lü Shuxiang, 2001: 615)

*Tā wèn le wǒ xǔduō wèntí: nà·li de qìhòu zěnyàng, shēnghuó guò de guàn bù guàn, yǐjí dāngdì de fēngsú xíguàn, děngdeng.*

[Dia] [tanya] [partikel] [saya] [banyak] [soalan]: [sana] [punya] [cuaca] [bagaimana], [kehidupan] [lalu] [pratikel] [biasa] [tidak] [biasa], [dan] [tempatan] [punya] [adat] [tabiat] [bagaimana], [dan lain-lain].

(*Dia menanya saya banyak soalan: bagaimanakah dengan cuaca di sana, sama ada saya biasa atau tidak dengan kehidupan di sana, dan bagaimanakah adat resam penduduk tempatan dan lain-lain lagi.*)

### 2.4.3 Kata hubung dalam Ayat Majmuk

Berikut adalah contoh kata hubung dalam ayat-ayat majmuk berkenaan

(Luo Hua Yan 罗华炎, 1998:301-302)

**Jadual 2.3 Kata Hubung dalam Pelbagai Jenis Ayat Majmuk**

Jenis Ayat Majmuk	Contoh Kata Hubung yang Berkaitan
并列复句 <i>bìngliè fùjù</i> (Ayat Majmuk Jenis Setara)	也……也 <i>yě…yě</i> ( juga…juga ) 又……又 <i>yòu…yòu</i> ( juga…juga ) 一面……一面 <i>yímiàn…yímiàn</i> ( sambil…sambil ) 一会儿……一会 <i>yíhuír…yíhuír</i> ( sebentar…sebentar ) 不是……而是 <i>búshì…érshì</i> ( bukan…adalah ) 既……又 <i>jì…yòu</i> ( bukan sahaja … juga ) 还 <i>hái</i> ( juga )
选择复句 <i>xuǎnzé fùjù</i> (Ayat Majmuk Jenis Pilihan)	或……或 <i>huò…huò</i> ( atau…atau ) 或者……或者 <i>huòzhě…huòzhě</i> ( atau…atau ) 非……既 <i>fēi…jì</i> ( bukan ini…mesti itu ) 不是……就是 <i>búshì…jiùshì</i> ( bukan ini…mesti itu )
递进复句 <i>dìjìn fùjù</i> (Ayat Majmuk Jenis Berterusan)	先……后 <i>xiān…hòu</i> ( dahulu…kemudian ) 首先……然后……最后 <i>shǒuxiān…ránhòu…zuihòu</i> ( pada mulanya…kemudian…akhirnya ) 起先……后来……接着 <i>qǐxiān…hòulái…jíezhe</i> ( pada mulanya … kemudiannya … diikutinya )
承接复句 <i>chéngjiē fùjù</i> (Ayat Majmuk Jenis Menaik)	不但……而且 <i>búdàn…érqìe</i> ( bukan saja…malah ) 不只……也 <i>bùzhǐ…yě</i> ( bukan saja…juga ) 不但不……反而 <i>búdànbù…fǎnér</i> ( bukan saja tidak… sebaliknya ) 尚且……何况 <i>shàngqiè…hékuàng</i> ( malah…apatah lagi ) 而且 <i>érqìe</i> ( malah ) 甚至 <i>shènzhì</i> ( bahkan )
转折复句 <i>ràngzhé fùjù</i> (Ayat Majmuk Jenis Peralihan)	虽然……但是 <i>suīrán…dànshì</i> ( walaupun…tetapi ) 尽管……还是 <i>jǐnguǎn…háishì</i> ( sungguhpun…masih ) 可是 <i>kěshì</i> ( tetapi ) 然而 <i>ránér</i> ( namun ) 却 <i>què</i> ( tetapi )

(Jadual 2.3, sambungan )

假设复句 <i>jiǎshè fùjù</i> (Ayat Majmuk Jenis Anggapan)	如果……就 <i>rúguō…jiù</i> (jika…maka) 假使……就 <i>jiǎshǐ…jiù</i> (jikalau… maka) 即使……也 <i>jíshǐ…yě</i> ( meskipun… juga) 那么 <i>nàme</i> (maka) 若 <i>ruò</i> (jika) 否则 <i>fǒuzé</i> (jika tidak)
条件复句 <i>tiáojiàn fùjù</i> (Ayat Majmuk Jenis Syarat)	只要 <i>zǐyào</i> ( hanya) 除非……才 <i>chúfēi…cái</i> (selain… maka ) 不管……都 <i>bùguǎn…dōu</i> (tidak peduli… juga) 才 <i>cái</i> (maka)
因果复句 <i>yīngguō fùjù</i> (Ayat Majmuk Jenis Sebab Akibat)	因为……所以 <i>yīnwèi…suōyǐ</i> (oleh sebab…maka ) 既然……就 <i>jírán…jiù</i> (kalau begitu…maka ) 由于……因而 <i>yóuyú…yīnér</i> (oleh sebab…maka) 因此 <i>yīnci</i> (maka )
目的复句 <i>mùdì fùjù</i> (Ayat Majmuk Jenis Bertujuan)	为了 <i>wèile</i> (demi ) 以 <i>yǐ</i> (supaya) 免得 <i>miǎnde</i> (sedemikian ) 以防 <i>yǐfáng</i> (supaya tidak )
解说复句 <i>jiěshuō fùjù</i> (Ayat Majmuk Jenis Keterangan)	(biasanya tidak perlu kata penghubung. Sila lihat contoh di bab 3.)

Penjenisan ayat majmuk di atas hanya merujuk kepada ayat majmuk ringkas sahaja. Ayat majmuk kompleks merupakan ayat majmuk yang lebih daripada satu lapis iaitu merangkumi beberapa hubungan logik. Jadi, pengkategorian ayat majmuk kompleks adalah berdasarkan konteks lapisan.

## 2.5 Kesalahan Bahasa Ayat Majmuk

*Xiandai Hanyu* 现代汉语 yang diedit oleh Huang Borong dan Liau Xudong (1997) telah menjelaskan bahawa kesalahan bahasa ayat majmuk biasanya boleh ditinjau daripada tiga aspek, iaitu hubungan antara ayat-ayat kecil tidak rapat, kekeliruan struktur ayat kerana tidak mempunyai kesepadan dalam ayat dan kesalahan penggunaan kata hubung (Huang Borong dan Liau Xudong ,1997:168).

Zheng Fusheng (1998) dalam bukunya yang bertajuk *Yuju Zhengwu Bian* 语句正误辨

telah mengategorikan kesalahan yang sering timbul dalam ayat majmuk kepada lima jenis iaitu penyalahgunaan kata hubung, ketidaksesuaian kolokasi kata hubung, ketidaksesuaian kedudukan kata hubung, kekurangan kata hubung dan kekurangan hubungan yang rapat antara klausa-klausa dari segi makna (Zheng Fusheng, 1998:249-306).

Kesalahan ayat majmuk lebih cenderung kepada kesalahan penggunaan kata hubung dalam ayat majmuk. Namun terdapat juga kesalahan tatabahasa yang lain kerana kerumitan ayat majmuk terutamanya ayat majmuk kompleks yang berlapis-lapis serta panjang. Keterangan yang teliti mengenai jenis-jenis kesalahan bahasa ayat majmuk akan diuraikan dengan lebih teliti di bab tiga.

## 2.6 Rumusan

Dalam kajian ini, *Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa dan Retorik Bahasa Cina KBSM* yang didrafkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia telah dijadikan sebagai panduan asas. Ini kerana kajian ini diharapkan dapat diselaras dengan pengajaran bahasa Cina di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, kajian lepas yang dilakukan oleh sarjana-sarjana lain akan dijadikan panduan seterusnya untuk melengkapkan ketidak sempurnaan dalam buku panduan tersebut.